

Tujuh faktor pacu kejayaan sekolah

Oleh Dr Rusinah Siron

LANGKAH Kementerian Pelajaran mewujudkan sekolah kluster atau kelompok sekolah cemerlang (KSC) adalah satu lonjakan paradigma yang memberi impak positif kepada dunia pendidikan khasnya jika dapat direalisasikan dengan pelaksanaan secara bersepadu oleh pihak kementerian, pentadbiran sekolah, guru, PIBG, alumni, sektor awam dan swasta serta masyarakat secara amnya.

Kejayaan sekolah kluster bergantung kepada pelbagai faktor yang perlu dilihat dari pelbagai sudut signifikannya dengan perkembangan pesat dunia pendidikan, spesifik dalam pelaksanaan strategi dan secara sistematik dalam perancangan dan pengurusannya.

Kejayaan sekolah kluster boleh direalisasikan jika faktor berikut diberikan fokus telus dan tepat berdasarkan perkataan K L U S T E R , iaitu:

● K - Kecemerlangan

Budaya bekerja memfokuskan kepada kecemerlangan mesti diterapkan dengan jelas dan jitu. Kecemerlangan bermula dengan kepimpinan pengetua yang menjadi sumber penting kepada arah tuju kecemerlangan sekolah kluster. Kecemerlangan kepimpinan pengetua perlu berdasarkan kepada 3K iaitu - komitmen dalam merancang kurikulum akademik dan kemahiran berte-

raskan kepada keperluan pasaran.

Kreativiti dalam melaksanakan kurikulum akademik dan kemahiran yang memerlukan pengetua mempraktikkan sikap kerjasama dan boleh memotivasikan guru dan kakitangan sekolah. Keyakinan diri perlu ada pada pengetua cemerlang bagi merealisasikan sekolah kluster ke arah kejayaan. Pengetua sekolah jangan sesekali bersikap negatif dan tidak yakin pada kemampuan guru, pelajar dan pihak pentadbiran sekolah dalam melaksanakan sekolah kluster.

Kejayaan sekolah kluster juga terletak kepada kecemerlangan gurunya. Seperti kenyataan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Datuk Dr Zulkurnain Awang, bahawa sekolah kluster utamakan pendidik terbaik. Pendidik terbaik adalah terbaik dalam pelbagai segi iaitu sikap, kelayakan, kemahiran dan pengalaman.

● L - Liabiliti

Bagi merealisasikan sekolah kluster dengan jayanya memerlukan kos dan perbelanjaan tinggi. Umpamanya daripada aspek latihan, pada peringkat pertama, pihak Kementerian Pelajaran bercadang menghantar kira-kira 30 pengetua dan guru besar kumpulan pertama ke luar negara iaitu berkemungkinan ke United Kingdom dan kemudian ditempatkan di sekolah cemerlang di England.

Selain itu, kos logistik dan buku aka-

demik, peralatan serta perkomputeran serta pelbagai lagi memerlukan perbelanjaan tinggi. Dengan segala jenis perbelanjaan yang perlu dikeluarkan bagi menjayakan sekolah kluster ini, tidak ada sebab sekolah kluster gagal dan menjadi liabiliti kepada pihak pentadbiran sekolah dan Kementerian Pelajaran khasnya.

● U - Unik

Sekolah kluster mempunyai keunikan tersendiri berbanding sekolah biasa dan sekolah berasrama. Pelaksanaan sekolah kluster ingin keluar dari kepompong kebiasaan dan menjadi sekolah unik dengan gaya tersendiri melalui pelbagai aspek seperti penumpuan kepada kemahiran murid bagi memenuhi kehendak pasaran.

Selain itu, sekolah kluster mahukan pengetua dan pendidik terbaik dan akan dihantar ke sekolah terbaik di England bagi menjalani latihan. Sekolah kluster akan melalui sistem penilaian berasaskan kemahiran dan peperiksaan. Sekolah kluster akan menjadi penanda aras kepada sekolah lain dan setanding sekolah terkemuka di negara maju. Bukankah uniknya sekolah kluster ini?

● S - Strategi

Apa juga pembaharuan dan perubahan yang hendak dijalankan sudah tentu akan menghadapi cabaran dan tekanan, begitu juga pelaksanaan sekolah kluster. Belum pun bermula pengumuman rasmi sekolah

h kluster

kluster, sudah wujud bahang tekanan dalam pelantikan jawatan pendidik cemerlang.

Kenyataan NUTP bahawa kerenah birokrasi dalam prosedur permohonan guru cemerlang menjadi punca guru kurang berminat, manakala Dr Zulkainain pula menyatakan kekurangan permohonan mengisi jawatan itu adalah kerana guru sendiri berasakan diri mereka tidak layak.

Jadi kalau dilihat kepada percanggahan kedua-dua kenyataan itu, apakah strategi jangka pendek, sederhana dan panjang yang perlu dilakukan NUTP dan Kementerian Pelajaran bagi menangani masalah ini?

● T - Teknik

Bagi merealisasikan kecemerlangan aspek kemahiran pelajar di sekolah kluster ini, teknik pengajaran dan pembelajaran perlu diberi perhatian serius. Guru tidak lagi boleh menggunakan teknik pengajaran - pembelajaran yang tradisional dengan hanya menumpukan kepada teknik pengajaran satu atau dua hala.

● E - Efisien dan Efektif

Segala perancangan, pengurusan dan pelaksanaan sekolah kluster perlu dijalankan secara efisien dan efektif dengan mengambil kira pelbagai faktor penarik dan penolak. Persoalannya bagaimanakah pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran dapat menterjemah strategi sekolah kluster kepada tindakan secara bersepadu?

Inilah persoalan utama yang perlukan langkah pelaksanaan efisien dan efektif. Pelaksana sekolah kluster perlu membuat senarai kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dalam usaha untuk merealisasikan sekolah kluster. Dengan cara ini, pihak pentadbir sekolah dan Kementerian Pelajaran akan dapat menjadikan sekolah kluster sebagai sekolah contoh dalam aspek kecemerlangan pendidikan dan kemahiran.

● R - Reputasi

Kejayaan sekolah kluster sebagai sekolah cemerlang dari aspek kepemimpinan pengetua, guru terbaik dan murid yang berteraskan kepada kemahiran akan menjadi simbol reputasi unggul kepada sistem pendidikan negara.

Untuk merealisasikan kecemerlangan KSC ini, reputasi kecemerlangan itu perlu dibentuk secara menyeluruh iaitu sistem pentadbiran dan persekolahan, struktur organisasi yang tiada kerenah birokrasi.

Selain itu, budaya kerja cemerlang perlu ada seperti membina keterampilan diri dan sikap berdaya saing di kalangan guru cemerlang, strategi dalam pelaksanaannya, kepemimpinan pengetua, kerjasama dengan ibu bapa dan masyarakat serta sokongan secara fizikal dan mental pihak Kementerian Pelajaran kepada semua sekolah yang terpilih dalam program sekolah kluster ini.

Pengumuman rasmi 30 sekolah perintis oleh Kementerian Pelajaran minggu lalu akan menjadi satu lonjakan positif dalam dunia pendidikan di Malaysia.

Penulis adalah pensyarah kanan Kolej Pengurusan Bisnes dan Perakaunan Universiti Tenaga Nasional (Uniten)